

Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan Tetap/Kontrak di Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam.

**A. JAWATAN AKADEMIK**

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
<p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor di <b>Lampiran 1</b>.</li> <li>2. Pemohon hanya boleh memohon untuk <b>SATU (1)</b> jawatan <b>SAHAJA</b>.</li> </ol>					

## JAWATAN AKADEMIK

### PENSYARAH UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45**

**Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)**

- (c) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau

- (ii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37)

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51**

- (d) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51 : RM5,855.00)

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)**

- (e) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53 : RM6,162.00)

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

- (f) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred VK7 : RM7,676.00)

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN  
BAGI JAWATAN PENSYARAH (DM45)/ PENSYARAH KANAN (DM51)/  
PROFESOR MADYA (DM53)/ PROFESOR (VK7)**

BIL	FAKULTI	BIDANG PENGAJARAN
	Fakulti Undang-Undang	Amalan Perundangan
		Undang-Undang Awam

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan Salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut:
  - i. Salinan Kad Pengenalan
  - ii. Salinan Sijil MCE/SPM, HSC/STPM atau setaraf
  - iii. Ijazah/Diploma/Sijil Politeknik atau setaraf
  - iv. Surat Pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji)
  - v. Dokumen berkaitan jawatan yang dipohon
- c. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- d. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- e. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh penghantaran adalah dianggap tidak berjaya.
- f. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil yang telah disahkan.
- g. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
- h. Borang yang tidak lengkap dan permohonan dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses.
- i. Bagi permohonan jawatan **Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor**:
  - i. Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki **CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf** diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara)
  - ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).
  - iii. Permohonan jawatan Profesor boleh dibuat melalui sistem ePengambilan Staf dengan mengisi borang Profesor Madya (sekiranya memiliki kelayakan Ph.D) dan Pensyarah (sekiranya memiliki kelayakan Sarjana).

Iklan dikeluarkan pada **10 Jun 2022 (Jumaat)**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Jun 2022 (Khamis) sebelum jam 5.00 petang**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**Timbalan Pendaftar**  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

**No. Tel** : (03) 5544 4189 / 4178 / 4122